

Pantau wabak kencing tikus

Siner Harian 08/08/2010 MISTY 8

Kementerian Kesihatan kategorikan kes sebagai penyakit wajib dilaporkan: Tiong Lai

KUALA LUMPUR - Penyakit kencing tikus atau leptospirosis akan dikategorikan sebagai 'penyakit wajib dilaporkan' iaitu setiap kes yang berlaku perlu dilaporkan kepada Kementerian Kesihatan.

Menterinya, Datuk Seri Liow Tiong Lai berkata, langkah itu dibuat bagi membolehkan kementerian memantau dan mengawal

keadaan sebenar penyakit berkenaan di negara ini.

"Saya akan mengarahkan Ketua Pengarah Kesihatan (Tan Sri Dr Mohd Ismail Merican) untuk mengeluarkan notis, menjadikan penyakit leptospirosis ini sebagai satu penyakit yang perlu diberitahu kepada pegawai kesihatan daerah.

"Dari semasa ke semasa memang banyak kes lepto-

spiro-sis di mana-mana, tetapi memandangkan sebelum ini ia tidak perlu dilaporkan kepada kementerian jadi kita tak tahu berapa kes leptospirosis yang berlaku dalam negara," katanya kepada media selepas merasmikan Seminar Kapitan Yap Ah Loy di sini, semalam.

Penyakit kencing tikus atau leptospirosis mula

mendapat perhatian ramai akhir Jun lalu, apabila lapan orang meninggal dunia disyaki dijangkiti bakteria melioidosis dan leptospirosis selepas menyertai operasi menyelamat di Lubuk Yu, Maran, Pahang.

Kini, penyakit itu mula dikesan di Kedah apabila seorang disahkan maut setelah berkelah di kawasan rekreasi Lata Bayu, Baling.



● LIOW TIONG LAI